

# 95kg udang ketak tanpa permit disorok bersama tong ikan

SH 26/11/2020 m/s 26

**ISKANDAR PUTERI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor mematahkan cubaan eksport udang ketak tanpa permit ke Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Tanjung Kupang di sini malam kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, hasil pemeriksaan rapi pegawai Maqis di laluan lori eks-

port KSAB pada jam 10 malam menemukan 95 kilogram (kg) udang ketak tidak diikrarkan dan disorokkan bersama tong ikan yang mempunyai permit bagi mengelirukan pihak berkuasa.

“Kesemua udang ketak dianggarkan bernilai RM4,085 itu dirampas dan pemandu lori warga tempatan berusia 40 ditahan.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama yang jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.